

12/04/2004

Pas bagaikan pengebom berani mati

Yusoff Zaky Omar

DI Iraq dan Palestin, untuk ke masjid mengerjakan ibadat tidak mungkin lagi dilakukan dengan tenang dan mudah. Kemusnahan, kerosakan dan pertumpahan darah adalah persekitaran kehidupan mereka. Pengebom berani mati ada di mana-mana.

Serangan berani mati yang dahsyat pada 11 September 2001 hingga meranapkan Menara Berkembar New York serta meragut ribuan nyawa memberi isyarat kepada rakyat Amerika bahawa kejadian seumpama itu tidak dapat dinafikan kemungkinannya berulang.

Penduduk Eropah juga dalam kebimbangan berikutan keadaan berjaga-jaga yang diisytiharkan di Sepanyol, Perancis, Britain dan Itali baru-baru ini berhubung ramalan serangan besar penganas mungkin dilancarkan ketika musim cuti Easter.

Di Sri Lanka, pertempuran dilaporkan berlaku di antara pemberontak Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) dan sebuah kumpulan serpihannya .

Jiran kita Thailand dan Indonesia juga kini terancam dengan serangan keganasan yang tentu membuat rakyat kecut perut dan berasa tidak selamat .

Tetapi di Malaysia, kita bebas merdeka, menjadi destinasi tumpuan rakyat negara luar, bukan hanya mempunyai pelbagai destinasi menarik dan selamat untuk dikunjungi bahkan untuk mencari rezeki dan menikmati hidup aman dan damai.

Rakyat Malaysia tidak perlu risau mengenai tempat ibadat, bukan hanya masjid yang bercambah, surau ada di mana-mana, di pusat beli-belah, di hotel, di restoran dan di setiap bangunan malah majikan yang tidak membenarkan pekerjaannya melaksanakan tuntutan ibadat boleh didakwa.

Di televisyen tidak ada iklan arak, seks atau judi dan pengacaranya ramai yang bertudung, tanpa perlu bimbang tidak dapat menarik perhatian penonton malah ia mendapat sokongan ramai.

Dunia artis kini diwarnai dengan ramai kumpulan nasyid dan lagu dakwah malah penyanyi Siti Nurhaliza yang memiliki akhlak dan budi pekerti yang terpuji tidak perlu beraksi seksi dan berpakaian menjolok mata untuk meraih populariti yang dikecapinya.

Kejadian yang dianggap remeh oleh negara yang berada dalam ketidaktentuan politik dan keselamatan seperti buli dan samseng, gejala negatif remaja dan pelbagai kegiatan tidak bermoral segera dilaporkan dan menjadi tajuk penting yang diperbincangkan, menjadi isu utama negara, mendapat perhatian pelbagai pihak dan mendapat reaksi serta tindakan serius menteri.

Di Marang Terengganu, Presiden Pas, Datuk Seri Abdil Hadi Awang masih tidak mahu menerima kehendak takdir dan mengecam rakyat yang mengundi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu sebagai `murahan' serta melabelkan mereka `buta' kerana tidak dapat melihat kezaliman yang berlaku.

Komen Tun Dr Mahathir mengenai pilihan raya, dalam akhbar Sin Chew Jit Poh baru-baru ini bahawa undi rakyat banyak memihak kepada Pas pada Pilihan Raya Umum Ke-10 kerana tindakannya dalam kes Anwar dan kemenangan besar BN pada Pilihan Raya Umum Ke-11 baru-baru ini disebabkan rakyat kembali mengundi BN kerana beliau bukan lagi Perdana Menteri.

Sikap yang ditunjukkan Hadi dan Dr Mahathir sebenarnya mempamerkan perbezaan ketara dan pegangan antara dua parti politik.

Pas masih tidak berubah, tidak pernah mahu mengambil iktibar, sering berasa lebih Islam dan sentiasa benar serta menerapkan nilai permusuhan

dan perpecahan sehingga sanggup menggunakan ayat al-Quran untuk melindungi pemimpin parti Pas yang lain manakala Umno sering bermuhasabah, tidak melindungi kemungkaran walaupun daripada kalangan pemimpin sendiri dan kadang-kadang mengundang kemarahan pihak tertentu serta berusaha menerapkan nilai Islam yang kini menampakkan kejayaannya serta sentiasa berusaha ke hadapan untuk kejayaan dunia dan akhirat.

Malaysia aman dan makmur, pemimpin kita berani membuat sesuatu yang benar walaupun perit yang memungkinkan peralihan sokongan rakyat dan rakyat juga semakin takut dengan sikap, tindakan dan ancaman Pas yang semakin menjadi-jadi dan sudah membuat pemilihan yang tepat untuk meneruskan kestabilan yang dimiliki Malaysia.

Rakyat tidak 'buta' seperti yang didakwa Hadi tetapi sebenarnya matang untuk membuat penilaian, rakyat tidak suka dengan sikap angkuh, sombong, tidak reda terhadap takdir dan tidak bersyukur tetapi menghormati sikap sabar, reda dan budiman.

Tindakan Pas mengadu kepada badan antarabangsa seperti yang disuarakan Naib Presidennya Datuk Dr Hassan Ali, mengingatkan kita terhadap apa yang berlaku di Iraq dan Afghanistan.

Bukankah amat perit dan derita seluruh rakyat Iraq selepas setahun Amerika Syarikat dan sekutunya berada di tanah Iraq dengan alasan membantu rakyat Iraq.

Elok diteliti dan difikir masak-masak akan hajat itu. Campur tangan asing bukan kehendak rakyat, ia seakan-akan sikap pengebom berani mati yang sanggup memusnahkan diri dan membunuh ramai lagi dek kekecewaan yang membara akibat terlalu ikutkan nafsu dan hati.

Tidakkah sejarah membuktikan dengan jelas keinginan bangsa Eropah menakluk dan menjajah dunia, maka janganlah sekali-kali membuka peluang kepada mereka untuk campur tangan di negara kita.

Bukankah terbukti keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati dicemburui mereka. Siapakah yang lebih sayangkan Malaysia melainkan rakyatnya.

Masyarakat majmuk adalah persekitaran kita, keamanan sesuatu yang perlu dipelihara, pelbagai agenda yang disusun kerajaan adalah menurut kesanggupan dan keadaan kita, maka Pas janganlah asyik mencari salah dan silap serta membuat kerosakan dan perpecahan.

Hayatilah hadis Nabi dan ambillah al-Quran buat pedoman. Biar kita kekalkan kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran di negara kita ini agar dapat terus beribadat kepada Allah tanpa takut dan bimbang, biarlah kita terus dapat mengecapi pelbagai kemudahan, sokongan dan dorongan daripada kerajaan sama ada untuk tujuan dunia dan akhirat.

Kita mesti sentiasa reda dan bersyukur serta semaikan akhlak yang baik dengan berterima kasih dan ambillah pedoman daripada balasan yang diturunkan Allah kepada kaum Ad sebagai pengajaran seperti yang termaktub dalam Al-Quran, mereka dikurniakan kemakmuran tetapi tidak mahu bersyukur akhirnya mereka dihancurkan.